

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PENGURUSAN MUSOLLA NEGERI SELANGOR

1. NAMA

Garis Panduan ini boleh dinamakan Garis Panduan Pendaftaran dan Pengurusan Musolla Negeri Selangor.

2. TUJUAN

2.1 Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada ruang sembahyang yang disediakan atau dibina selain masjid dan surau diatas tanah yang tidak diwakafkan kepada MAIS atau tidak diwartakan di bawah kawalan Pengarah JAIS.

2.2 Garis Panduan ini akan menjadi terma dan rujukan kepada:-

2.2.1. Pihak Majlis, Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor dalam mengurus dan menentukan status permohonan pendaftaran musolla Negeri Selangor.

2.2.2. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menentukan status dan kesesuaian kedudukan ruang atau bangunan tempat sembahyang bagi orang Islam yang disyaratkan dalam kelulusan pelan bangunan.

2.2.3. Badan Pengurusan Bersama (JMB) dalam mentadbir dan mengurus musolla berdaftar.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Seksyen 96 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003memperuntukan fungsi Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid dan surau dan tanah yang berkaitan dengannya

(1) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau dalam Negeri Selangor.

(2) Tiap-tiap masjid dan surau, bersama dengan tapak masjid dan surau itu dan mana-mana tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud masjid dan surau itu, termasuk tanah kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubung dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan, terletak hak kepada Majlis bagi maksud Enakmen ini.

3.2 Seksyen 97 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pula menjelaskan mengenai sekatan tentang penubuhan masjid dan surau yang menyebut

- (1) *“Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bangunan, bagi perkara-perkara yang hanya boleh dilakukan di atau oleh masjid atau surau”*
- (2) *Mana-mana orang yang melanggar peruntukkan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan di denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.*

3.3. Seksyen 98 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pula menjelaskan bidang kuasa Majlis dalam meluluskan permohonan pembinaan masjid dan surau di Negeri Selangor.

(1) Majlis boleh pada bila-bila masa-

- (a) membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid atau surau ;
- (b) membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai Masjid atau surau; atau
- (c) menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid

(2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di Bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

3.4 Garis Panduan ini juga selaras dengan keperluan pematuhan terhadap : -

- 3.4.1. Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Kemudahan Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Tahun 2016,
- 3.4.2. Akta 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, yang juga menyentuh berkaitan pengurusan penggunaan ruang bangunan untuk ibadah orang Islam.
- 3.4.3. Akta 757 Akta pengurusan Strata 2013
- 3.4.4. Akta 318 Akta Hak Milik Strata 1985

3.5 Mutakhir ini Majlis menerima banyak permohonan pendaftaran surau. Namun permohonan tersebut perlu diteliti dengan mengambil kira bidang kuasa Majlis dan aspek perundangan yang lain.

- 3.6 Berasaskan kepada tujuan tersebut maka Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor hendaklah perlu mempunyai satu garis panduan bagi menetapkan mana-mana bangunan atau ruang sembahyang sebagai terma dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 3.7 Garis Panduan ini telah dibengkelkan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Bahagian Undang- Undang MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor.
- 3.7 Garis Panduan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil. 2/2017 yang bersidang pada 18 April 2017 dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Khas Bil. 3/2017 yang bersidang pada 26 Mei 2017.

4. TAFSIRAN

“ahli jemaah” ertinya mana-mana orang yang menggunakan musolla bagi tujuan sembahyang atau apa-apa aktiviti yang dibenarkan oleh Syarak;

“ahli kariah” ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid;

“Badan Pengurusan Bersama” ertinya, Badan yang ditubuhkan dibawah seksyen 17 Akta 757 Akta Pengurusan Strata 2013;

“JAIS”, ertinya Jabatan Agama Islam Selangor;

“Majlis”, ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“masjid”, ertinya suatu bangunan—

(a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan

(b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98,

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

“musolla/مصلى”, ertinya suatu premis yang berkeluasan minimum 10’ x 10’ selain masjid dan surau yang digunakan untuk sembahyang dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam dan penggunaannya sebagai yang sedemikian telah dibenarkan oleh Majlis;

“Pembantu Pentadbir”, ertinya beberapa orang beragama Islam yang dipilih oleh Pentadbir bagi membantu menguruskan musolla;

“pemilik premis”, ertinya individu, badan, syarikat atau apa-apa agensi lain yang memiliki premis;

“Pentadbir”, ertinya seseorang beragama Islam yang diberi kuasa dan tanggungjawab oleh pemilik premis untuk menguruskan musolla;

“premis”, ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang sama ada terbuka atau tertutup yang dimiliki oleh individu, badan, syarikat atau apa-apa agensi lain yang dibina mengikut undang-undang yang berkuatkuasa;

“surau”, ertinya suatu bangunan –

- a) Yang digunakan bagi sembahyang kecuali sembahyang jumaat dan kegiatan yang disuruh, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam ; atau
- b) Yang penggunaannya sebagai yang sedemikian telah dibenarkan oleh Majlis;

“wakaf”, ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] dan didaftarkan dibawah Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015;

6. ASAS PENENTUAN MUSOLLA

Sesuatu ruang atau bangunan sembahyang boleh ditentukan sebagai musolla jika ruang atau bangunan sembahyang itu dibina di atas-

- 6.1 tapak tanah atau di dalam bangunan yang tidak boleh diwakafkan kepada Majlis;
- 6.2 tapak tanah atau di dalam bangunan yang tidak diwartakan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor;
- 6.3 tanah yang boleh diwakaf atau diwartakan tetapi tidak mempunyai ahli kariah yang tinggal tetap; atau
- 6.4 mana- mana bangunan yang tidak boleh dikategorikan sebagai masjid atau surau.

7. KATEGORI MUSOLLA

Dibawah Garis Panduan ini, kategori musolla adalah ruang atau bangunan sembahyang yang dibina di tempat-tempat yang berikut:

- 7.1 KEDIAMAN
Kediaman bertingkat dan kawasan perumahan
- 7.2 INSTITUSI LATIHAN DAN PENDIDIKAN
Sekolah, kolej, universiti, Maahad Tahfiz, Madrasah, Sekolah Pondok pusat-pusat latihan dan lain-lain.
- 7.3 BANGUNAN PEJABAT
Bangunan kompleks pejabat kerajaan dan swasta
- 7.4 PUSAT KOMERSIAL
Pusat-pusat Komersial, Bangunan Perindustrian, Bangunan Kompleks Pejabat, Bangunan stesen minyak, Pasaraya, hotel dan lain-lain
- 7.5 PERINDUSTRIAN
Kilang-kilang dan gudang-gudang
- 7.6 KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN TEMPAT REKREASI
Pusat-pusat Taman rekreasi Awam, Pusat Gerai dan Penjaja, Hospital, Agensi Pertahanan dan Keselamatan Awam, perhentian pengangkutan awam, Hentian Rehat dan Rawat Pusat Jagaan Kebajikan dan lain-lain.

8. PENGURUSAN MUSOLLA

8.1 Tatacara Pendaftaran

- i. Pemilik premis atau Pentadbir mendapatkan Borang Permohonan Pendaftaran Musolla Negeri Selangor di Pejabat Agama Islam Daerah.
- ii. Pentadbir hendaklah mengisi lengkap Borang Pendaftaran Musolla Negeri Selangor dan borang yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah.
- iii. Pegawai Pejabat Agama Islam Daerah membuat lawatan ke tapak premis sekiranya perlu
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor mempertimbangkan permohonan untuk kelulusan.
- v. Surat Perakuan Pendaftaran Musolla dikeluarkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor bagi permohonan yang diluluskan.

8.2 Tanggungjawab Pemilik Premis

Pemilik Premis bagi musolla hendaklah melaksanakan tanggungjawab seperti yang berikut:-

- i. melantik Pentadbir musolla;

- ii. menyenggara musolla bagi keselamatan, kebersihan, keceriaan dan keselesaan ahli jemaahbersama Pentadbir;
- iii. memaklumkan pertukaran Pentadbir ke Pejabat Agama Islam Daerah;
- iv. mendapatkan penentuan dan pengesahan arah kiblat daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor dan melampirkan status penentuan arah kiblat bersama Borang Permohonan Pendaftaran Musolla Negeri Selangor; dan
- v. memastikan aktiviti yang dijalankan di musolla tidak menjejaskan keharmonian masyarakat setempat.

8.3 Tanggungjawab Pentadbir

Pentadbir bagi musolla hendaklah melaksanakan tanggungjawab seperti yang berikut:-

- i. Memilih sekurang-kurangnya tiga orang Pembantu Pentadbir musolla bagi membantunya menguruskan musolla;
- ii. Mempamerkan surat perakuan pendaftaran di musolla;
- iii. Memastikan azan dilaungkan di musolla yang terletak dalam kawasan kediaman atau kawasan pusat latihan dan institusi pendidikan.
- iv. Menjadikan musolla tempat orang-orang Islam mendirikan sembahyang fardhu lima waktu.
- v. Menjadikan musolla tempat kegiatan agama Islam dan penyebaran dakwah berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- vi. Menguruskan sepenuhnya urusan pentadbiran dan kewangan musolla itu.
- vii. Mengemaskini dan memaklumkan sebarang perubahan pentadbiran musolla itu kepada Majlis.

8.4 Larangan kepada Pentadbir

Pentadbir bagi sesuatu musolla adalah dilarang untuk melakukan perkara-perkara seperti yang berikut :-

- i. Mendirikan sembahyang Jumaat tanpa kebenaran bertulis oleh Majlis;
- ii. Menjemput mana-mana penceramah tanpa tauliah oleh Majlis;
- iii. Melaksanakan aktiviti yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- iv. Melaksanakan aktiviti yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam;
- v. Menjadikan musolla sebagai tempat parti politik atau subversif;
- vi. Menjadikan musolla tempat menjalankan apa-apa kegiatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak, mana-mana peruntukan undang-undang bertulis, fatwa dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- vii. Melakukan pengubahsuaian tanpa kebenaran pemilik premis;
- viii. membuat pungutan khairat tanpa kebenaran Majlis
- ix. Menjadikan musolla sebagai hotel, rumah tumpangan atau tempat penginapan; dan
- x. tempat untuk memecah belahkan perpaduan ahli kariah.

8. KUASA MAJLIS

Walau apa-apa pun yang dinyatakan di dalam garis panduan ini , Majlis adalah berkuasa bagi :-

- i. Membenarkan mana- mana premis untuk digunakan untuk sembahyang dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam;
- ii. Menetapkan apa-apa syarat bagi pendaftaran sesuatu musolla;
- iii. Menerima dan mendaftarkan senarai Pentadbir dan Pembantu Pentadbir musolla; dan
- iv. Membatalkan pendaftaran musolla.

9. PENGAWALAN

Pihak Majlis, JAIS dan Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi yang diberi kuasa oleh kerajaan boleh membuat tindakan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa jika terdapat sebarang aduan yang berkaitan dengan pengurusan musolla tersebut.

10. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini mula berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2017**

t.t

(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 28 September 2017